

PERSIDANGAN INSTITUT PENGAJIAN DASAR (IPS)

David Neo: Pemerintah sedia wujudkan peluang, tingkat taraf hidup rakyat

Mobiliti sosial dipelihara melalui peluang yang diwujudkan, bukan menerusi kebajikan

► **SHIQIN RAMADAN**
shiqinr@sph.com.sg

Pemerintah terus berusaha meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan memelihara mobiliti sosial dengan mewujudkan peluang, bukan sekadar memberi 'kebajikan' yang boleh menjejaskan maruah individu.

Demikian menurut Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik David Neo, pada 26 Januari.

Beliau berkata demikian semasa menjawab pertanyaan mengenai kesediaan pemerintah menerima istilah 'kebajikan negara' dan usahanya membantu golongan 20 peratus berpendapatan paling rendah di Singapura.

"Saya rasa apa yang ingin kita wujudkan ialah peluang di mana semua anak-anak kita, dan lebih-lebih lagi mereka yang mungkin kurang bernasib baik, dapat merebut peluang yang ada sekiranya mereka mahu, dan merasakan bahawa pencapaian itu adalah hasil usaha mereka sendiri."

"Saya percaya inilah yang dapat memajukan diri mereka dengan lebih berkesan berbanding sekadar memberikan sokongan sahaja," kata Encik Neo.

Encik Neo merupakan salah seorang

anggota panel perbincangan bertajuk 'Membina Masyarakat yang Lebih Inklusif dan 'Kita Dahulu' (We First)' di persidangan Singapore Perspectives 2026 anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) di Pusat Ekspo dan Konvensyen Marina Bay Sands.

Beliau memberi contoh geran Young ChangeMakers (YCM) di bawah Majlis Belia Kebangsaan (NYC) dan Pejabat Perkongsian Pemerintah Singapura (SGPO) sebagai langkah memupuk perpaduan masyarakat.

YCM menyediakan dana bagi kumpulan tidak rasmi dan individu berusia antara 13 dengan 35 tahun melaksana projek kemasyarakatan.

SGPO pula memudahkan interaksi antara warga yang ingin menyumbang dengan agensi pemerintah yang berkaitan dan mengukuhkan perkongsian untuk membentuk Singapura yang lebih baik.

Encik Neo menambah walaupun pemerintah boleh menyediakan titik permulaan dan sokongan berstruktur, sebuah masyarakat berteraskan semangat 'Kita Dahulu' memerlukan tindakan daripada individu, masyarakat setempat dan sektor swasta bagi membiasakan nilai ihsan serta tanggungjawab bersama.

Anggota panel lain turut berkongsi pandangan bahawa Singapura boleh memu-



Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik David Neo (kiri) menganggotai panel perbincangan bertajuk 'Membina Masyarakat yang Lebih Inklusif dan 'We First' (Kita Dahulu)' di persidangan Singapore Perspectives 2026 anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS). Anggota panel lain termasuk (dari kiri) Ketua pegawai eksekutif Pusat Sukarelawan dan Kederawanan Nasional (NVPC) Encik Tony Soh; Profesor Madya Vincent Chua daripada Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Nasional Singapura (NUS); dan moderator Dr Laurel Teo, Penyelidik Kanan IPS. – Foto ST

"Saya rasa apa yang ingin kita cipta ialah peluang di mana semua anak-anak kita, dan lebih-lebih lagi mereka yang mungkin kurang bernasib baik, dapat merebut peluang yang ada sekiranya mereka mahu, dan merasakan bahawa pencapaian itu adalah hasil usaha mereka sendiri."

– Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik David Neo.

puk sebuah masyarakat 'Kita Dahulu' dengan menggabungkan rangka dasar yang menyokong, perubahan budaya serta program praktikal, bagi mengimbangi daya saing dengan semangat kemasyarakatan.

Antara lain, Ketua pegawai eksekutif Pusat Sukarelawan dan Kederawanan

Nasional (NVPC) Encik Tony Soh berkata untuk membina budaya memberi yang berkekalan, individu perlu melihat kesan yang bermakna daripada pengalaman tersebut.

"Dalam sistem sekolah melalui program Nilai dalam Tindakan (VIA), malah

dalam syarikat dan kumpulan, terdapat nilai untuk memulakan inisiatif yang memperkenalkan orang kepada amalan memberi.

"Namun, pengalaman itu harus bermakna dan berkesan. Ia perlu membolehkan individu untuk berinteraksi dan melihat bagaimana amalan memberi dapat mengubah kehidupan dan membuat perubahan dalam masyarakat," kata Encik Soh.

Profesor Madya Vincent Chua daripada Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Nasional Singapura (NUS) akur akan cabaran membina masyarakat 'Kita Dahulu' seperti perbandingan sosial dan daya saing.

Mengulas lanjut dari sudut sosiologi, beliau merujuk kepada faktor makro seperti inflasi, imigresen dan ketidaksamaan kekayaan sebagai penghambat perpaduan sosial.

Justeru, dalam merealisasikan visi masyarakat itu, Dr Chua ingin melihat "Singapura yang lebih penyayang" dengan budaya kebaikan yang melampaui sifat 'kiasu' atau mementingkan diri sendiri.